

A. PENGURUSAN PELABURAN

1.0 Tafsiran

1.1 **Pelaburan** bermaksud sejumlah modal (wang dan sebagainya) yang diserahkan atau diletakkan dalam usaha/urus niaga atau sesuatu yang dibeli dan sebagainya dengan tujuan untuk memperolehi keuntungan.

1.2 Dana Pelaburan

1.2.1 Universiti hendaklah memperuntukkan sejumlah wang untuk Dana Pelaburan daripada wang lebihan yang bukan dari peruntukan Geran Kerajaan bagi tujuan pelaburan untuk meningkatkan pendapatan dalaman Universiti.

1.2.2 Geran Kerajaan yang tidak dibenarkan untuk membuat pelaburan termasuk geran mengurus tahunan, peruntukan pembangunan, geran penyelidikan kerajaan atau apa-apa jua sumber kewangan Kerajaan.

1.2.3 Universiti perlu mengenalpasti dan menyatakan sumber-sumber kewangan bagi tujuan pelaburan. Modal pelaburan yang dicadangkan digunakan adalah dari sumber hasil dalaman yang dijana Universiti terkumpul/rizab di bawah Kumpulan Wang Pendapatan.

1.3 **Pelaburan terus** merupakan satu bentuk pelaburan dalam sekuriti dan komoditi boleh dagang yang dibuat secara terus tanpa mewujudkan usaha sama, anak syarikat atau syarikat 'associate' merujuk kepada seksyen 4 Akta Syarikat 2016 (Akta 777).

1.4 **Pelaburan jangka panjang** merupakan pelaburan dalam Capital Guaranteed Investment Scheme (CGIS) dan Amanah Raya bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun.

- 1.5 **Pegangan atau penyertaan ekuiti** bermaksud pelaburan Universiti dalam sesuatu entiti iaitu perbadanan atau syarikat.
- 1.6 **Perbadanan** adalah agensi atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan/diperbadankan/wujud di Malaysia.
- 1.7 **Syarikat** adalah syarikat yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 2016 (Akta 777) atau mengikut mana-mana enakmen yang diperuntukkan. Syarikat juga merujuk kepada :
- 1.7.1 **Syarikat Induk** (*Holding Company*) dan Subsidiari (*Subsidiary Company*) di bawah kawalan Universiti di mana Universiti mempunyai pegangan ekuiti lebih dari 50%;
 - 1.7.2 **Syarikat Bersekutu** (*Associate Company*) di luar kawalan Universiti di mana pegangan ekuiti Universiti adalah di antara 20 hingga 50%;
 - 1.7.3 **Syarikat Pelaburan** (*Investment Company*) di mana pegangan ekuiti Universiti adalah kurang daripada 20%; dan
 - 1.7.4 **semua lapisan Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Pelaburan** di mana Universiti mempunyai pegangan ekuiti secara terus atau efektif masing-masing seperti peratusan-peratusan di atas.

2.0 Pihak Berkuasa Melulus

2.1 Pihak Berkuasa Melulus adalah seperti yang diperincikan dalam Lampiran 1 Tajuk A : Governan, Bab 1 : Tadbir Urus Kewangan, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.

3.0 Skop Pelaburan

3.1 Pelaburan merupakan salah satu aktiviti penjanaan pendapatan yang dibenarkan untuk Universiti Awam melaksanakannya. Ini bersesuaian dengan usaha Universiti menggiatkan kepelbagaian sumber pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan kewangan Kerajaan.

3.2 Universiti boleh memperuntukkan sejumlah wang yang dikenali sebagai Dana Pelaburan daripada wang lebihan yang bukan dari peruntukan Geran Kerajaan bagi maksud pelaburan untuk meningkatkan pendapatan dalaman Universiti.

3.3 Pelaburan boleh dibuat dalam bentuk:

3.3.1 Pelaburan dalam Ekuiti;

3.3.2 Pelaburan Terus dalam Sekuriti dan Komoditi Boleh Dagang; dan

3.3.3 Pelaburan dalam Harta Tanah.

3.4 Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah Universiti dan bertanggungjawab terus kepada Lembaga Pengarah Universiti dalam hal-hal yang melibatkan pelaburan yang memerlukan persetujuan Menteri Kewangan setelah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia selaras dengan peruntukan Surat Pekeliling Am 3/1998 serta mengawal pelaburan mengikut had yang telah ditetapkan.

3.5 Keahlian Jawatankuasa Induk Pelaburan adalah terdiri daripada :

3.5.1 Pengerusi:

Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang dinamakan

3.5.2 Ahli:

- i. Seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti;
- ii. Naib Canselor;
- iii. Dua (2) orang wakil daripada badan profesional; dan
- iv. Bendahari.

3.5.3 Urus setia:

Unit Terimaan dan Perakaunan, Bahagian Governan dan Perakaunan,
Pejabat Bendahari

3.6 Fungsi Jawatankuasa Induk Pelaburan adalah seperti berikut:

3.6.1 mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Universiti dasar pelaburan;

3.6.2 melabur wang lebihan Universiti dari sumber yang tidak berpunca daripada Kerajaan;

3.6.3 memantau prestasi pelaburan;

3.6.4 memperakukan pelantikan pengurus dana atau firma pengurus dana atau mengadakan Jawatankuasa Khas;

3.6.5 mengkaji dan meneliti laporan tentang strategi pelaburan dan kedudukan semasa daripada:

- i. syarikat induk; dan
- ii. pengurus-pengurus dana.

3.6.6 membuat laporan berkala kepada Lembaga Pengarah Universiti;

- 3.6.7 mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Universiti agihan keuntungan daripada pelaburan;
- 3.6.8 mengemukakan cadangan untuk pelaburan baru dan penjualan saham kepada Lembaga Pengarah Universiti;
- 3.6.9 memastikan syarikat induk mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti;
- 3.6.10 memastikan Universiti sentiasa mengemas kini pelaksanaan kerja adalah selaras dengan peraturan pelaburan yang berkuat kuasa; dan
- 3.6.11 melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti dari semasa ke semasa.

4.0 Pelaburan Dalam Ekuiti

- 4.1 Sebagai salah satu usaha untuk melaksanakan aktiviti komersial serta melindungi kepentingan Universiti dari sudut perundangan dan sebagainya, Universiti boleh menubuhkan syarikat yang akan berfungsi sebagai syarikat induk kepada semua kegiatan komersial.
- 4.2 Penubuhan syarikat adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965, termasuk mengadakan Subsidiari, *Associate Company*, Usaha sama (*Joint Venture*) dan menubuhkan Perbadanan (*Corporation*).
- 4.3 Garis panduan khusus berkaitan anak syarikat yang perlu dirujuk bersama ialah **Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM** seperti di **Lampiran 1**. Antara perkara-perkara yang ditekankan dalam garis panduan tersebut adalah seperti berikut:
 - 4.3.1 Pentadbiran dan Pengurusan Syarikat;
 - 4.3.2 Aktiviti yang Dibenarkan;
 - 4.3.3 Sumber Kewangan;

- 4.3.4 Penggunaan Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan Universiti;
 - 4.3.5 Sistem Kawalan dan Pemantauan;
 - 4.3.6 Penjanaan Pendapatan;
 - 4.3.7 Manfaat kepada UTeM dan Komuniti; dan
 - 4.3.8 Perkara-perkara lain.
-
- 4.4 Bagi tujuan perolehan, syarikat induk yang ingin menyertai perolehan Universiti perlu mematuhi peraturan perolehan Universiti yang sedang berkuat kuasa.
 - 4.5 Universiti tidak terikat atau memberi kelebihan/keistimewaan ke atas syarikat induk dalam urusan perolehan Universiti.
 - 4.6 Syarikat induk juga tertakluk kepada Garis Panduan Perundingan UTeM yang berkuat kuasa.

5.0 Pelaburan Terus Dalam Sekuriti dan Komoditi Boleh Dagang

5.1 Pelaburan Terus Dalam Sekuriti dan Komoditi Boleh Dagang adalah:

5.1.1 membeli syer, saham, debentur, bon, komoditi emas dan sebagainya secara terus tanpa mewujudkan usaha sama anak syarikat atau syarikat *associate*; dan

5.1.2 Saham yang tidak disenaraikan di bursa saham (*non listed share*).

5.2 Universiti boleh membuat pelaburan terus melalui salah satu daripada kaedah berikut :

5.2.1 Penubuhan Jawatankuasa Khas Universiti

Penubuhan Jawatankuasa Khas di Universiti yang dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidang pelaburan dan dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pelaburan.

5.2.2 Pengurus Dana

Jawatankuasa Induk Pelaburan boleh melantik secara kontrak pengurus dana sepenuh masa atau khidmat firma pengurus dana profesional yang bertanggungjawab kepada JIP dan mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

5.3 Portfolio Pelaburan

5.3.1 Cadangan pelaburan perlu mengambil kira risiko yang ditanggung berbanding kadar pulangan yang diharapkan. Kriteria utama yang perlu diikuti ialah pelaburan tidak ditumpukan kepada spekulasi jangka pendek sebaliknya lebih tertumpu kepada pelaburan jangka panjang yang mendatangkan pulangan yang konsisten.

5.3.2 Perkara yang perlu diambil kira dalam membuat pelaburan:

- i. Universiti tidak boleh melabur dalam sekuriti dan komoditi boleh dagang yang melanggar hukum syariah.
- ii. Universiti tidak boleh melabur dalam sekuriti dan komoditi boleh dagang yang secara langsung atau tidak langsung bertentangan dengan falsafah, objektif atau kepentingan Universiti.
- iii. Universiti juga tidak boleh terlibat dengan pasaran hadapan (*future trading*) dan pasaran mata wang (*currency trading*).

5.4 Permohonan untuk membuat pelaburan yang diperakui oleh Jawatankuasa Induk Pelaburan perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti dan seterusnya mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut format yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (sila rujuk **Lampiran A**).

5.5 Pulangan atas Pelaburan

5.5.1 Pendapatan keuntungan atau faedah daripada pelaburan perlu dikreditkan sebagai hasil Universiti di bawah Kumpulan Wang Pendapatan.

5.5.2 Sekiranya Universiti melabur dalam sekuriti dan komoditi boleh dagang atau saham amanah, penilaian hendaklah dibuat bagi merekodkan perbezaan antara nilai kos dan nilai pasaran serta peruntukan rosot nilai saham disediakan secukupnya.

5.5.3 Pendapatan yang diterima sebagai dividen dari pelaburan saham perlu direkod sebagai pendapatan, dikira berasaskan nilai saksama saham semasa tarikh perekodan. Saham yang diterima sebagai *right issue* (tidak memberi pendapatan tetapi mengurangkan kos sejarah seunit saham (tambahan unit). Satu penyata hendaklah disediakan untuk merekod dividen yang belum diterima.

5.6 Rekod Pelaburan

- 5.6.1 Semua transaksi berkaitan pelaburan perlu diuruskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan direkodkan dalam daftar pelaburan bagi semua urusan pembelian, penjualan dan rekod keluar/masuk sijil-sijil pelaburan.
- 5.6.2 Mendapatkan laporan daripada pengurus-pengurus dana tentang strategi dan kedudukan semasa pelaburan.
- 5.6.3 Laporan suku tahunan terperinci berkaitan aktiviti pelaburan hendaklah disediakan bagi keperluan pelaporan kepada Jawatankuasa Induk Pelaburan dan Lembaga Pengarah Universiti.
- 5.6.4 Semua dokumen pelaburan hendaklah diurus dengan sempurna dan disimpan dengan selamat, dikawal daripada kecurian, penyalahgunaan dan kemusnahan.
- 5.6.5 Semua pembayaran ke atas pelaburan hendaklah mempunyai akuan terimaan berserta bukti-bukti pelaburan seperti sijil, bon, nota atau lain-lain.
- 5.6.6 Daftar pelaburan hendaklah dikemas kini setiap kali berlakunya perubahan termasuk penyata sijil yang diterima lewat selepas penyelesaian, urusan pembelian, penjualan dan rekod keluar/masuk sijil-sijil pelaburan.

6.0 Pelaburan Dalam Harta Tanah

- 6.1 Universiti boleh membuat pelaburan dalam hartanah iaitu membeli, menyewa atau menyewa guna dalam apa-apa harta tanah tertakluk kepada keperluan Universiti. Harta tanah terdiri daripada tanah dan bangunan.
- 6.2 Tujuannya ialah untuk membolehkan Universiti mendapatkan pulangan daripada aktiviti pelaburan harta tanah untuk membantu menjana pendapatan tambahan Universiti serta menambahkan nilai harta Universiti.

6.3 Syarat Pelaburan Harta Tanah

6.3.1 Semua permohonan untuk pelaburan harta tanah perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti dan mengikut format yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (sila rujuk **Lampiran B**).

6.3.2 Universiti perlu mengambil kira syarat-syarat dalam menyediakan perancangan pelaburan harta tanah iaitu mengikut tujuan yang ditetapkan dan perancangan pelaburan.

7.0 Meminjam dan Mendapatkan Pinjaman

7.1 Universiti boleh membuat untuk membiayai mana-mana projek Universiti yang berkaitan bagi melaksanakan kewajipannya seperti membeli harta untuk projek perumahan pelajar/kakitangan atau pembelian peralatan bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan daripada mana-mana institusi kewangan/organisasi dalam dan luar negara mengikut jumlah, tempoh, faedah dan apa-apa terma yang difikirkan sesuai oleh pihak Universiti.

7.2 Universiti perlu mengambil kira syarat-syarat dalam menyediakan perancangan pembiayaan harta tanah:

7.2.1 Tujuan pembiayaan

7.2.2 Cadangan pembayaran balik

7.3 Sumber pembiayaan ialah dari dalam negara iaitu bank/Institusi Kewangan/ KWSP.

7.4 Permohonan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (sila rujuk **Lampiran C**).

Senarai Lampiran:

1. Lampiran 1 : Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM
2. Lampiran A : Senarai Semak Permohonan Pelaburan oleh Badan Berkanun untuk Kelulusan Menteri Kewangan
3. Lampiran B : Cadangan Pelaburan Harta Tanah
4. Lampiran C : Cadangan Pinjaman/Pembiayaan Harta Tanah/Projek